



**JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN**  
Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya  
Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957  
Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

---

## **KENYATAAN MEDIA**

### **HARAPAN BARU BAGI 1,005 ISI RUMAH MISKIN TEGAR DI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**KUALA LUMPUR, 4 NOVEMBER 2023** – Selaras dengan matlamat Kerajaan untuk menoktahkan kemiskinan tegar di seluruh negara menjelang akhir tahun 2023, Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) bertekad meneruskan Sesi Libat Urus (SLU) Pembasmian Kemiskinan Tegar di WP Kuala Lumpur bagi tahun 2023 yang digerakkan secara kerjasama strategik dengan Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri (JPM). 1,005 isi rumah di 11 parlimen di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah dikenalpasti memerlukan perhatian segera dari pihak kerajaan. Justeru, JWP bersama DBKL, MAIWP, JKM dan PERKESO melipatgandakan usaha demi mencapai matlamat kerajaan untuk menoktahkan kemiskinan tegar di Wilayah Persekutuan. SLU pada hari ini dihadiri oleh YB Tuan Ts. Zahir bin Hassan, Ahli Parlimen Wangsa Maju, YBhg. Dato' Indera Noridah binti Abdul Rahim, Ketua Pengarah JWP, wakil Pejabat Ahli Parlimen Setiawangsa dan Titiwangsa. SLU di lokasi ke-4 dan ke-5 ini merupakan kesinambungan daripada SLU yang telah diadakan di Parlimen Segambut, Kepong, Bukit Bintang, Bandar Tun Razak, Cheras, Lembah Pantai dan Seputeh sebelum ini.

Program di Pusat Komuniti Gombak ini menyantuni 303 ketua isi rumah (KIR) miskin tegar bagi Parlimen Wangsa Maju, Setiawangsa dan Titiwangsa. SLU ini akan turut dilaksanakan di Pusat Komuniti Beringin pada 5 November 2023 (Ahad) yang melibatkan 249 KIR miskin tegar di Parlimen Batu. Melalui SLU ini membolehkan semua KIR miskin tegar yang terlibat mengemaskini maklumat peribadi dan pendapatan dalam sistem eKasih ICU serta menyemak dan memohon bantuan yang berkelayakan daripada MAIWP, JKM, MITRA agar membolehkan mereka terkeluar daripada status miskin tegar yang membelunggu keluarga mereka selama ini. Di samping itu, PERKESO turut menawarkan peluang pekerjaan yang bersesuaian kepada KIR terlibat untuk membolehkan individu dalam KIR tersebut mempunyai pendapatan bulanan secara tetap.

SLU yang pertama berjaya menyantuni sebilangan besar KIR miskin tegar ke arah sasaran yg ditetapkan manakala usaha berterusan dilaksanakan bagi seramai 552 KIR miskin tegar yang berikutnya di lokasi ke-4 dan ke-5 ini. Jabatan Wilayah Persekutuan berharap, usaha menoktahkan kemiskinan tegar di Wilayah Persekutuan pada akhir tahun ini dapat direalisasikan dengan jayanya agar pencapaian matlamat Kerajaan disegerakan melalui pendekatan pelbagai dimensi. Jabatan Wilayah Persekutuan juga menyeru syarikat korporat dan swasta untuk tampil menawarkan peluang pekerjaan yang sesuai kepada KIR miskin tegar dan membantu mereka untuk keluar daripada belunggu kemiskinan tegar atas dasar keperihatian dan sebagai tanggungjawab sosial korporat.

**Disediakan oleh:**  
**Bahagian Komunikasi Korporat**  
**Jabatan Wilayah Persekutuan**  
**4 November 2023**